

## Haji: Giliran 2020 diutamakan

BERNAMA



Kuala Lumpur: Lembaga Tabung Haji (TH) akan mengutamakan bakal haji yang giliran tunai haji mereka pada 2020, diikuti giliran pada 2021 dan seterusnya 2022, bagi pemilihan jemaah haji tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH Datuk Seri Amrin Awaluddin dalam kenyataan hari ini berkata ia berdasarkan sistem pendaftaran haji berdasarkan prinsip yang dahulu didahulukan.

Beliau berkata rayuan haji melalui platform dalam talian iaitu aplikasi Tabung Haji Online (THiJARI) juga sudah dibuka dengan keutamaan diberikan kepada rayuan mahram.

Justeru Amrin berkata TH menasihatkan bakal jemaah supaya bersedia dengan dokumen-dokumen berkaitan termasuk sijil vaksinasi Covid-19 yang lengkap dan pasport antarabangsa.

"TH akan membuat pengumuman dari semasa ke semasa sekiranya ada maklumat lanjut dari kerajaan Arab Saudi yang perlu dikongsikan dengan bakal jemaah," katanya.

Terdahulu hari ini, Menteri di Jabatan Perdana (Hal Ehwal Agama) Senator Datuk Idris Ahmad mengumumkan seramai 14,306 jemaah haji dari Malaysia dibenarkan untuk mengerjakan haji tahun ini iaitu 45 peratus daripada kuota biasa yang diberikan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Jumlah kuota itu menyaksikan penurunan bilangan jemaah haji Malaysia berbanding 31,600 jemaah sebelum ini.

Sementara itu, Amrin berkata pengumuman itu adalah satu berita baik untuk TH dan bakal jemaah haji dari Malaysia.

"Kami bersyukur dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi dan yakin penilaian serta penelitian semua aspek telah dibuat bagi memastikan keselamatan para jemaah haji yang datang dari segenap pelosok dunia terjamin," katanya.

Beliau berkata TH sudah memulakan persiapan awal dengan mengambil kira pelbagai kemungkinan prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan serta amalan norma baharu dalam pengendalian operasi haji sama ada di tanah air maupun di tanah suci Makkah.

Kuota haji yang ditetapkan kerajaan Arab Saudi sebelum ini adalah 0.1 peratus daripada jumlah penduduk negara.

Pada 2019, kuota haji Malaysia adalah 31,600 orang, namun pada tahun ini ibadat haji hanya dibenarkan untuk 1 juta jemaah sahaja mengambil kira kriteria penjagaan kesihatan berbanding sekitar 2.5 juta jemaah pada 2019.